

# Kempen Pendidikan Tuberkulosis

## UMS di Kudat bulan ini

DE 12.06.2012 6

KOTA KINABALU: Sekolah Perubatan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Kempen Pendidikan Tuberkulosis di Kudat bermula bulan ini hingga September 2012.

Menurut satu kenyataan di sini, kempen dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri dan Zero Tuberculosis World Korea akan diadakan di empat daerah di Kudat iaitu Sikuati, Matunggong, Tambuluran dan Mangaris.

Majlis perasmian akan dibuat pada 23 Jun di Pusat Pendidikan Perubatan Desa (PPPD) Sikuati, Kudat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Persekutuan Dato' Sri Dr Hasan bin Abdul Rahman, Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital Kudat dan pihak Zero Tuberculosis dijangka hadir pada perasmian itu.

Kempen ini dianjurkan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan kepada penduduk Kudat mengenai bahaya penyakit batuk kering.

"Ia juga bertujuan untuk memberi motivasi kepada pihak-pihak berkepentingan seperti badan bukan kerajaan, sukarelawan, ketua kampung dan komuniti kepada pencegahan dan kawalan penyakit ini dalam masyarakat," kata kenyataan itu.

Pengerusi program Prof Dr Datu Kamarudin Datu Mudin dan Dr Richard Avoi dari Jabatan Kesihatan Negeri berharap kempen itu mampu menjana kesedaran dan membantu meningkatkan tahap kesihatan masyarakat luar bandar.

Pelbagai aktiviti menarik juga diadakan seperti pemeriksaan kesihatan percuma, ceramah, permainan, kuiz, cabutan bertuah dan banyak lagi.